

# EHWAL ANTARABANGSA

[FOTO IHSAN MAPIM]

**BH PLUS**

 di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
 untuk lebih gambar dan video

**Info**

## Kemusnahan di Aleppo

- **Kebanyakan bangunan** rebah ke bumi dengan tinggalan bangunan tidak berpenghuni
- **Sekurang-kurangnya 34,000 penduduk** awam dan pejuang penentang kerajaan Bashar dipindahkan dari kawasan kecil di timur Aleppo
- **MAPIM hantar empat ambulans** dengan setiap satu bernilai RM100,000 melalui sumbangan berkonsep wakaf



Bandar Aleppo kini tidak lagi berpenghuni dan penuh kesan kemusnahan akibat perang.

# Aleppo umpama 'bandar hantu'

 BH  
 14/1/2017  
 ms. 24


## → Sukarelawan MAPIM cerita pengalaman bantu pelarian

Oleh Syed Azwan Syed Ali  
syedazwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

“Aleppo umpama bandar hantu,” demikian kesimpulan Ketua Misi Bantuan Kecemasan Rescue Syria, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Sani Araby Al Kahery selepas berjaya memasuki wilayah konflik Syria, awal bulan ini.

Beliau berkata, hatinya meruntun sedih ketika memasuki kawasan Aleppo apabila menyaksikan banyak bangunan rebah ke bumi dengan tinggalan bangunan tidak berpenghuni, sedangkan dulu ia adalah bandar terbesar di Syria yang berdiri megah.

### Terpaksa jadi pelarian

“Semua terpaksa lari keluar dan jadi pelarian tanpa pilihan. Apabila kawasan ini ditawan (tentera kerajaan), ramai lari keluar. Ketika di sana, saya jumpa satu keluarga lapan beradik yang tidak keluar

kerana ayah mereka cedera dan keluarga ini miskin.

“Ketika ini, hanya ada dua golongan yang berada di Aleppo iaitu golongan miskin yang tidak dapat keluar kerana kemiskinan dan golongan yang masih nak pertahankan (Aleppo) dari tentera Syria atau Russia,” katanya kepada BH di Balai Berita NSTP, baru-baru ini.

Sani Araby sebelum ini mengetahui tiga lagi sukarelawan misi bantuan kecemasan ke Aleppo selepas kawasan itu dibuka kepada akses kemanusiaan pada penghujung Disember lalu sejurus tentera kerajaan diketuai Presiden Bashar Al Assad menawan semula kawasan itu daripada kumpulan penentang.

Agensi berita antarabangsa melaporkan sekurang-kurangnya 34,000 penduduk awam dan pejuang penentang kerajaan Bashar dipindahkan dari kawasan kecil di timur Aleppo dalam operasi selama seminggu dalam keadaan cuaca sejuk ekstrim, pada 23 Disember lalu.

### MAPIM hantar 5 trak bantuan

Misi kecemasan MAPIM yang berakhir 5 Januari lalu berjaya menghantar lima trak bantuan kemanusiaan yang antara lain membawa 50 tan roti kepada 45,000 keluarga pelarian, 1,000 winter heater, 2,000 selimut tebal dan 2,000 pek makanan pelarian Syria.

“Kami juga berjaya menghantar

empat ambulans dengan setiap satu bernilai RM100,000 melalui sumbangan berkonsep wakaf,” katanya sambil menambah, MAPIM akan menghantar sepasukan sukarelawan ke Syria dalam masa terdekat untuk misi fasa kedua.

Sani Araby berkata, empat ambulans itu akan berfungsi menghantar pesakit dari Syria ke hospital berdekatan di sebelah Turki, khususnya di Reyhanli dan Gaziantep.

### Turki beri kerjasama

Kumpulan MAPIM tidak mempunyai masalah untuk memasuki Syria melalui sempadan Turki berikutan mereka mendapat kerjasama erat daripada kerajaan Turki, Kementerian Kesihatan (MOH) Turki dan pertubuhan NGO, Turkiye Diyanet Vakfi (TDV).

Konflik perang saudara di Syria berlanjutan sejak Mac 2011 bermula dengan bantahan sivil ke atas pemerintahan Bashar sebelum bertukar menjadi penentangan bersenjata yang sehingga kini mengorbankan lebih 450,000 nyawa dengan lebih 11 juta rakyat Syria menjadi pelarian.

Sani Araby berkata, pihaknya merancang membina 1,000 rumah kontena untuk pelarian Syria di Bab al Hawa, Idlib, yang memerlukan dana keseluruhan RM2 juta bagi meringankan beban pelarian Syria yang terkesan dengan konflik perang saudara itu.



Sani Araby (tiga dari kanan) mengetuai misi bantuan kecemasan dari Malaysia yang membawa ambulans dan trak makanan (gambar bawah) ke Aleppo, Disember lalu.

